

DERAF UCAPAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR (ZERO WASTE)
SEKOLAH KEB. PERMATANG TO'KANDU, PERMATANG PAUH
28 FEBRUARI 2012 JAM 8:30 PAGI
SEK. KEB. PERMATANG TO' KANDU

Terima Kasih Pengacara Majlis.

Yang Dihormati Tuan Haji Ahmad Tarmizi Bin Kamaruddin
Pengarah Pelajaran Pulau Pinang

Yang Berbahagia Tuan Haji Shafie Bin Hashim
Pegawai Pelajaran Daerah SPT

Yang Dihormati Tuan Hj. Mohd Shukri bin Abd. Rahman
Guru Besar, Sek. Keb. Permatang To' Kandu

Yang Berusaha Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-ketua Jabatan & Pegawai-pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Guru-guru dan para pelajar serta Rakan-rakan Media sekalian.

Tuan-tuan dan Puan-puan Para Hadirin Yang DiHormati
Sekalian.

1. Pertama sekali, bersyukur kepada tuhan kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri *Majlis Pelancaran Sisa Sifar (Zero Waste)* pada hari ini.

2. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Sekolah Kebangsaan Permatang To'Kandu kerana telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Anugerah Sekolah Hijau Bagi Tahun 2011. Walaupun pertama kali menyertai pertandingan tersebut, tetapi komitmen yang diberikan oleh sekolah terutamanya guru-guru, pelajar, pekerja am sehinggalah kepada operator kantin amat membanggakan.

3. Untuk makluman semua, dalam Program Sekolah Hijau, tumpuan diberikan kepada 3R, pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar, kebersihan dan penghijauan serta kegiatan luar. Saya mengucapkan terima kasih kepada Guru Besar dan Guru-guru kerana sudi menerima cadangan MPSP untuk mengadakan sisa sifar (zero waste) di sekolah ini. Ini adalah cabaran yang berat tetapi apabila menjadi amalan, ia tidak lagi menjadi beban.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Tujuan utama program sisa sifar adalah untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya di kalangan pelajar bermula dari peringkat sekolah. Amalan ini perlu bagi mendidik pelajar bersama-sama memulihara alam sekitar daripada terus tercemar.

Program sisa sifar di sekolah memerlukan komitmen tinggi daripada semua pihak terutama guru dan pelajar agar ia berjaya melahirkan generasi yang prihatin terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar.

Kita sebagai ibu bapa juga wajar memainkan peranan untuk memastikan program sisa sifar di sekolah-sekolah mencapai matlamatnya dan yang paling penting kitar semula dapat menolong memelihara alam sekitar dan justeru itu dapat meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

5. Program pada pagi ini juga menuntut adanya kefahaman dan kerjasama di antara MPSP, guru-guru dan para pelajar bagi menjayakan Program Sisa Sifar. Melalui kerjasama yang erat inilah, hasrat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami,

bekerja dan kompetitif untuk pelaburan dapat sama-sama kita jayakan.

6. Dengan adanya program yang seumpama ini maka diharapkan MPSP akan dapat meningkatkan lagi interaksi dan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar mengenai kepentingan menjaga alam sekitar serta meningkatkan penggunaan semula bahan buangan, melaksanakan aktiviti kitar semula dan seterusnya mengurangkan sampah ke tapak pelupusan.

Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan kitar semula samada di sekolah, rumah, pejabat atau industri maka kos pengurusan sisa pepejal dapat dikurangkan sekaligus MPSP akan dapat menjimatkan jutaan ringgit. Hasil daripada penjimatan ini, MPSP sudah pasti dapat membelanjakan wang tersebut untuk keperluan rakyat dan penduduk Seberang Perai.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

7. Kitar semula bermaksud memungut dan mengasingkan sisa pepejal bagi maksud menghasilkan keluaran. Kitar semula berlaku apabila bahan-bahan buangan diproses dan menghasilkan produk yang sama. Kitar semula mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber yang bernilai. Bahan-bahan seperti kaca, besi, plastik dan kertas dikumpul, diasingkan dan dihantar ke pusat

pemprosesan untuk ditukarkan kepada produk atau bahan baru. Hasil penjualan bahan kitar semula ini seterusnya dapat menjadi sumber pendapatan yang pulangnya akan berbalik kepada pihak sekolah.

8. Oleh yang demikian, kita perlu bertindak segera membuat anjakan dalam cara hidup kita. Justeru, saya yakin kempen kearah zero waste atau sisa sifar yang diadakan bersama-sama dengan para pelajar daripada Sekolah Keb. Permatang To' Kandu ini merupakan landasan yang betul dalam mencorak gaya hidup kita yang lestari. Kempen 3R dan penekanan kepada sisa makanan adalah permulaan yang baik.

9. Dalam mengamalkan usaha 3R, adalah penting untuk tidak mencampurkan sisa-sisa yang berlainan jenis dalam bekas yang sama, contohnya mengasingkan sisa-sisa makanan daripada bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Justeru, proses pengasingan perlulah dilakukan pada peringkat awal, iaitu dari rumah lagi.

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

10. Bagi mencapai hasrat sisa sifar, ahli-ahli pasukan kerja LA21 akan mengaudit setiap bulan dan memberi khidmat nasihat atau cadangan bagi peningkatan kualiti alam sekitar.

11. Adalah diharapkan dalam tempoh 4 bulan ini, 95% sisa, tidak lagi sampah tetapi menjana sumber untuk pendapatan sekolah. Penyampaian Anugerah Sekolah Sisa Sifar akan diberikan sempena Perayaan Hari Majlis dalam bulan Julai tahun ini.

12. Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

13. Dengan lafaz bimillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar (Zero Waste) Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu, Permatang Pauh.